

23/06/2001

Gayat guna eskalator

DALAM kekecohan untuk menghadiri majlis makan malam anjuran Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam kelmarin, seorang veteran Wanita Umno hampir-hampir terjatuh ketika menaiki tangga bergerak (eskalator) di aras satu.

Beliau yang dipercayai kali pertama menggunakan tangga itu menjadi panik selepas beberapa langkah berada di atas tangga berkenaan. Beberapa orang cuba menyelamatkannya namun kerana ketakutan beliau tetap tidak melepaskan gengaman pada pemegang tangga bergerak itu.

Bagaimanapun, tindakan pantas pasukan keselamatan PWTC menghentikan tangga bergerak itu berjaya menenangkan keadaan.

Makcik itu, kemudiannya dengan selamba meneruskan perjalanan seolah-olah tiada apa yang berlaku.

(END)